

### **FUNGSI ORGANISASI PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU**

Fungsi utama Pejabat Daerah Hulu Terengganu ialah merancang, menyelaraskan dan melaksanakan projek pembangunan fizikal, pembangunan masyarakat, keselamatan, majlis dan keraihan, pentadbiran dan kewangan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk masyarakat seimbang dari segi kehidupan sosial, ekonomi dan melahirkan masyarakat yang sentiasa produktif.

### **DASAR KUALITI PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU**

Pejabat Daerah Hulu Terengganu adalah komited untuk mengurus dan mentadbir daerah bagi mencapai pembangunan yang seimbang dari segi ekonomi, sosial, fizikal dan pembangunan insan bagi memenuhi kehendak pelanggan serta menjalankan penambahbaikan secara berterusan berdasarkan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015 Pejabat Daerah & Tanah Hulu Terengganu.

### **FUNGSI ORGANISASI PEJABAT TANAH HULU TERENGGANU**

Fungsi utama Pejabat Tanah Hulu Terengganu ialah memproses permohonan dari segi perlupusan, pendaftaran, pembangunan pentadbiran dan kewangan, ICT, perundangan, penguatkuasaan dan hasil tanah.

### **DASAR KUALITI PEJABAT TANAH HULU TERENGGANU**

Memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan melalui sistem pengurusan dan pentadbiran tanah secara berterusan melalui aplikasi sistem penyampaian yang efektif bagi memenuhi kehendak pelanggan.